

06/06/2004

Saya akan gembira apabila indeks rasuah bertambah baik

KETIKA ditemubual oleh pengacara TalkAsia, Lorraine Hahn yang disiarkan oleh CNN semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi antara lain bercakap mengenai tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri, beliau sebagai ketua keluarga, kehidupan yang dilaluinya apabila digugurkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad daripada Kabinet dan bagaimana beliau kembali sehingga mendapat kepercayaan untuk menerajui kerajaan. Turut disentuh ialah barisan Kabinet barunya, usaha memerangi rasuah dan kebimbangan terhadap ketegangan di selatan Thailand.

LORAINNE (bercakap kepada kamera): Perdana Menteri Malaysia sudi meluangkan masa lebih sejam untuk ditemubual di Kementerian Kewangan di Putrajaya baru-baru ini. Saya memulakannya dengan bertanyakan sejauh mana beliau sanggup meneruskan perang terhadap rasuah tanpa rasa takut atau pilih kasih?

Itulah yang saya janjikan kepada setiap orang, tanpa rasa takut, tanpa pilih kasih, itulah caranya. Jika perlu dibawa ke mahkamah, kami akan bawa ke mahkamah. Tetapi saya sentiasa katakan bahawa adalah penting untuk dipastikan keadilan dikekalkan sepanjang masa.

Bagaimana anda akan menyusuli kempen antirasuah ini?

Kami terus mengingatkan kakitangan sektor awam. Ini adalah perkara yang saya sentiasa perkatakan, ia juga perkara yang diperkatakan rakan saya dalam Kabinet. Baru-baru ini kami melancarkan Pelan Integriti Nasional. Kami juga mewujudkan Institut Integriti Malaysia. Institut ini dan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional adalah langkah susulannya.

Apa yang akan membuatkan anda puas hati? Apa yang membuatkan anda gembira?

Sudah tentu saya akan gembira apabila indeks rasuah bertambah baik.

Sebaik mana?

Sebaik yang mungkin.

Ada yang mengatakan bahawa mereka kecewa dengan barisan Kabinet anda kerana mengekalkan beberapa menteri yang dilantik Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) dalam Kabinet baru dan ini mungkin menyebabkan anda tidak mampu membawa pembaharuan sebenarnya.

Itu adalah pandangan mereka tetapi bagi saya, saya perlu melantik anggota Kabinet yang saya tahu dan percaya boleh melaksanakan tugas. Saya sentiasa berkata bahawa anda boleh menggunakan kenderaan yang sama biarpun pemandunya bertukar atau kenderaan sama untuk berlumba. Kini pemandunya adalah orang lain, itulah yang berlaku kepada Kabinet. Ada juga beberapa muka baru dan mereka ini akan menjadi barisan pelapis, sebagai timbalan menteri. Ini amat penting, kami perlu membawa mereka masuk awal-awal lagi. Kami perlu memperkenalkan mereka kepada proses perubahan kerana apabila tiba tahun 2020, muka baru ini akan berada di barisan depan. Mereka akan berada di kerusi pemandu, merekalah yang akan memutuskan masa depan Malaysia pada 2020 dan selepasnya.

Apakah keutamaan utama anda sebagai Perdana Menteri, pendidikan atau perpaduan?

Kami sedang memberi tumpuan untuk memantapkan sistem perkhidmatan awam. Ia adalah program berterusan dan kami sudah melihat beberapa kemajuan. Saya percaya ia adalah projek penting, ia menjadikan kos perniagaan lebih rendah dan menjadikan kami lebih berdaya saing. Pada masa sama ia memberikan kepuasan kepada mereka yang mahukan perkhidmatan yang berkualiti dan pantas. Sudah tentu pendidikan menjadi sangat penting dan

ia adalah untuk pembangunan sumber manusia kami.

Baru-baru ini berlaku ketegangan di selatan Thailand, iaitu di sempadan Thailand dan Malaysia. Sejauh mana kebimbangan anda?

Sangat membimbangkan. Hanya seberang sempadan. Ia membabitkan orang Islam dan mereka juga adalah orang Melayu dan ramai daripada mereka mempunyai sanak saudara di sebelah sempadan kami.

Mereka sering menyeberangi sempadan, berulang-alik setiap hari, ia adalah kehidupan seharian mereka. Apa saja yang berlaku di sebelah sana, saya bimbang ia akan memberi kesan di sebelah sini. Justeru, kami perlu bertindak pantas tetapi kami pastikan tidak akan campur tangan dalam apa yang berlaku di Thailand. Timbalan saya, Datuk Seri Najib Razak, dihantar ke Bangkok untuk menemui mereka (pemimpin Thailand). Thaksin (Thaksin Shinawatra, Perdana Menteri Thailand) berikan beliau peluang untuk adakan perbincangan dan saya amat gembira dengan hasilnya.

Kami diberi peranan untuk dimainkan. Kami diminta memberikan penerangan mengenai peranan pembangunan Islam dan cara kami melaksanakannya di sini supaya orang Islam di sana memahami apa peranan Islam. Matlamatnya ialah supaya mereka tidak mahu menghadapi Islam militan tetapi mengamalkan Islam dan menjadi orang Islam yang komited kepada kemajuan dan pembangunan, yang cinta keamanan dan bersifat sederhana. Itulah apa yang kami lakukan (di Malaysia) sekarang.

Apabila melihat gambar layanan terhadap tahanan Iraq oleh tentera bersekutu di Iraq baru-baru ini, saya yakin ia sesuatu yang berat untuk pemimpin seperti anda. Bagaimanakah anda memastikan sentimen anti-Amerika dan anti-Eropah itu tidak menular ke negara Islam seperti Malaysia dan supaya rakyat bertenang.

Ini adalah iktibar untuk kami. Kami tidak perlu mengharungi pengalaman sama untuk memahami ertinya. Biarlah pengalaman mereka menjadi iktibar kepada kami dan berusaha untuk pastikan ia tidak menimpa kami. Kami mengamalkan kesederhanaan dan pembangunan adalah keutamaan kami. Begitu juga perpaduan nasional, hubungan baik di antara kaum, orang Islam dan bukan Islam. Inilah yang memberikan kelebihan kepada kami. Kami berjaya selama ini kerananya. Inilah yang kami perlu kekalkan.

(Bercakap kepada penonton): Sebagai anak kepada seorang ulama Islam yang dihormati dan pengasas parti pemerintah Umno, sudah tentu Abdullah akan mengikut jejak langkah bapa beliau. Namun ia hanya berlaku selepas bapanya meninggal dunia dan selepas sedekad beliau bersama perkhidmatan awam. Abdullah pertama kali dipilih ke Parlimen pada 1978 dengan memenangi kerusi Parlimen di Pulau Pinang. Beliau pantas mendaki tampuk pemerintahan dan memegang pelbagai jawatan menteri sebelum menjadi Perdana Menteri tahun lalu. Namun, perjalanannya bukan tanpa halangan. Sebelum kita mendalaminya, biar kita dengar sedikit mengenai zaman kanak-kanaknya.

Saya tidak tahu sama ada saya seorang yang rajin belajar atau tidak. Saya memang belajar tetapi saya juga bermain-main. Sebagai kanak-kanak, sawah padi adalah tempat permainan saya. Kami juga memancing, menangkap ikan pelaga dan menjerat burung seperti penduduk kampung lain. Sawah padi adalah tempat permainan kami.

Perdana Menteri, anda mendapat biasiswa untuk mengikuti jurusan ekonomi tetapi anda membuat keputusan untuk belajar jurusan agama?

Tidak, tidak... saya beritahu anda apa perkara sebenar.

Baiklah, beritahu saya.

Saya mahu belajar ekonomi tetapi saya gagal mata pelajaran statistik dan tahap pencapaian saya menurun. Saya tidak tahu mengapa saya melakukannya dengan teruk sekali. Saya tidak dibenar meneruskan program ijazah kepujian dalam ekonomi dan terpaksa memilih mata pelajaran yang saya layak. Oleh itu, saya memilih Pengajian Islam.

Mengapa?

Pada masa itu saya memikirkan mengenai datuk saya kerana beliau mahukan saya mengambil pengajian agama, beliau mahu saya ke Makkah. Bagaimanapun, pada masa itu bapa saya mempunyai pendapat berbeza. Beliau kata saya perlu menghabiskan pendidikan Inggeris, itulah apa yang beliau mahukan. Datuk saya mengalah, katanya itulah apa yang kami semua mahukan. Maka saya belajar di sekolah Inggeris, sekolah menengah Inggeris, dan melupakan hasrat ke Makkah untuk belajar agama. Apabila saya perlu membuat pilihan sama ada mengikuti jurusan Pengajian Islam dan Pengajian Melayu, saya berpendapat Pengajian Islam adalah pilihan yang baik.

Menakjubkan. Dan selepas itu anda memasuki perkhidmatan awam. Mengapa anda menceburi politik dan tidak kekal dalam perkhidmatan awam?

Saya memang meminati politik sejak dulu. Saya pernah terbabit dalam persatuan pelajar, sangat aktif.

Anda begitu cepat meningkat dalam politik, meskipun pada satu ketika, anda menyokong kumpulan yang menentang (Tun) Dr Mahathir (Mohamad), adakah itu benar dan kerana itu anda disingkirkan daripada kerajaan?

Saya digugurkan daripada Kabinet.

Anda digugurkan daripada Kabinet. Bagaimana keadaan pada hari-hari yang dilalui?

Tiga tahun sembilan bulan. Saya sentiasa menyifatkannya seperti ketika penjajahan Jepun. Ia adalah masa yang sukar. Tetapi pada tempoh itu saya masih Naib Presiden parti, jadi saya masih mempunyai banyak tugas politik yang perlu dilaksanakan.

Adakah benar apabila anda digugurkan daripada Kabinet, kenalan termasuk di padang golf tidak mahu lagi bercakap dengan anda?

Mereka tidak bercakap dengan saya, malahan sebahagiannya melarikan diri. Mereka melihat saya dari jauh dan berlalu pergi. Apabila melihat saya, mereka pergi ke tempat lain.

Ini tiada kena mengena dengan permainan golf anda bukan?

Tiada kena mengena dengannya. Saya baru berjinak dengan golf, ia bagus... memberi saya peluang bermain golf (ketika pengguguran).

Bagaimana anda kembali semula dan mendapat kepercayaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir?

Ya, ada aspek-aspek lain, saya masih mendapat sokongan yang sangat baik dalam parti. Saya selalu turun ke bawah, bertemu dan mengekalkan hubungan dengan mereka. Saya mempunyai pejabat di tengah bandar, saya masih menerima kunjungan ramai orang yang mahu berjumpa dengan saya. Jika bukan dengan tujuan tertentu, hanya untuk berbual-bual. Dan kemudian kita makan tengah hari di luar, itu saja. Itulah sebenar gunanya pejabat.

Adakah Tun Dr Mahathir seorang tokoh yang sukar untuk diikuti?

Bukan mudah untuk menurutinya. Lebih baik bagi saya melakukan sesuatu dengan cara saya sendiri. Bukan caranya. Saya tidak boleh melakukannya seperti cara beliau. Beliau adalah orang yang berbeza, tidak sama.

Adakah beliau masih bersuara lantang?

Kurang lantang daripada sebelum ini.

Masih dibayangkannya?

Tidak, beliau telah membuat keputusan, beliau memberitahu saya bahawa beliau tidak akan campur tangan dalam apa-apa yang saya lakukan, beliau tidak akan komen apa yang saya buat. Beliau berkata ini adalah kerajaan pentadbiran saya. `Anda lakukan apa yang anda mahu, anda Perdana Menteri,' katanya.

(bercakap kepada penonton): Abdullah juga dikenali dengan panggilan mesra `Pak Lah' di seluruh negara. Saya bertanya kepadanya bagaimana nama jolokan itu timbul.

Saya tidak tahu bagaimana ia mula-mula timbul. Seseorang tentunya ada yang mula memanggil saya dengan panggilan `Pak Lah' kerana dalam masyarakat Melayu, seseorang yang lebih berumur atau seseorang yang

dihormati, akan dipanggil dengan nama Pak ini atau Pak itu, dan ada yang lain seperti Pak Ali atau Pak Din. Nama saya Abdullah, jadi dipanggil Pak Lah. Jadi ada rasa kemesraan.

Saya tahu, bagi Perdana Menteri dan seseorang yang menjalankan tugas seperti anda, untuk dipanggil 'Pak Lah' secara agak terbuka adalah janggal, dan tidakkah ia menyinggung anda?

Saya rasa sangat gembira mereka memanggil saya 'Pak Lah' dan hanya ada satu 'Pak Lah'. Jika mereka memanggil saya Datuk Seri, terdapat ratusan Datuk Seri.

Pada tahun ini saja, anda melalui banyak pengalaman pahit manis, yang manis tentunya kita ketahui, dan yang pahit adalah kehilangan ibu anda.

Mencabar.

Adakah dia sangat rapat dengan anda?

Sangat rapat.

Bagaimana anda sifatkan pengaruhnya ke atas anda?

Sangat besar, sangat besar.

Bagaimana?

Banyak yang mempengaruhi sikap saya terhadap kehidupan, agama dan terhadap anggota keluarga saya. Dan ia banyak mempengaruhi saya dalam hubungan kemanusiaan.

Isteri anda, Datin Seri Endon (Mahmood) dirawat kerana penyakit barah, saya tahu dia semakin baik. Apakah jenis tekanan akibat daripadanya kepada anda? Anda mempunyai banyak tugas yang perlu dilakukan, anda perlu banyak ke luar negara?

Ya, macam mana pun saya perlu menghadapinya. Ketika beliau di Amerika Syarikat, saya dan beliau saling berhubung, kami berbual menerusi telefon hampir setiap malam. Dan ada satu ketika saya cuba untuk mengadakan sidang video tetapi tidak begitu berkesan, jadi lebih baik berbual menerusi telefon. Jika saya ada masa, saya mahu ke sana menemuinya tetapi saya tidak boleh, kecuali sekali saja. Tetapi saya tidak berpeluang ke sana lagi, jadi beliau pulang dan pergi semula. Isteri saya masih melalui tempoh waktu yang sukar tetapi dia begitu berdisiplin, mematuhi kehendak rawatan. Kadang kala saya berasa sangat sedih tetapi tiada apa-apa yang boleh saya lakukan. Bagaimanapun kami sama-sama berdoa. Saya rasa itulah cara mendapatkan ketenangan.

Saya mengetahui bahawa dua wanita dalam hidup anda, perbetulkan jika saya silap, bahawa ibu anda pernah berkata anda begitu berjimat, isteri anda pula berkata jika anda hilang sabar, salji akan turun di Malaysia, adakah benar sebagaimana yang dikatakan itu?

Ya, ada benarnya tetapi tidaklah terlalu berjimat. Saya juga agak suka berbelanja tetapi dengan hati-hati kerana keluarga saya bukannya kaya. Kami mempunyai wang sekadar mencukupi untuk penghidupan, saya ingat itu. Saya pernah menangis kerana saya nak satu permainan baru tetapi bapa saya tidak mampu membelinya. Dia tidak mengatakan dia tidak mempunyai wang tetapi dia memujuk saya supaya tidak memintanya. Tetapi hari ini saya sedar mungkin dia tidak ada wang untuk membeli permainan itu.

Berapa umur anda ketika itu?

Cukup besar untuk mengingatnya. Ada beberapa perkara yang berlaku ketika anda kecil yang masih anda ingat. Dan ada juga peristiwa di mana dia mengambil tali kasut saya kerana tali kasut milik rakannya yang datang ke rumah putus. Tentunya dia perlu membeli tali kasut, jadi bapa saya mengambil tali milik saya dan diberikan kepada rakannya itu.

Dan apa yang anda kata?

Saya tidak kata apa-apa, cuma menangis.

Kasihannya. Apakah yang anda boleh katakan mengenai falsafah hidup anda?

Falsafah hidup saya. Saya tidak pernah memikirkan falsafah saya tetapi ia semuanya perlu seimbang dalam apa yang dilakukan. Anda tidak boleh

memiliki segala-gala terlalu banyak, anda perlu mempunyai keseimbangan, itu sangat penting. Dan... (Abdullah menyapu air mata menggunakan sapu tangannya) mungkin kerana anda bercakap mengenai ibu saya... Perlu ada keseimbangan dalam segala yang kita lakukan, jangan berlebihan, permudahkan dan bukan merumitkan.

Ringkas dan terus kepada matlamat?

Ya, itulah ringkas dan terus kepada matlamat.

Ketika dunia berubah dengan pantas, apakah yang anda paling harapkan untuk anak, cucu anda serta generasi Malaysia akan datang?

Bercakap mengenai anak-anak saya, tentunya saya mahu mereka berjaya dalam hidup. Mereka perlu memilih jenis pekerjaan yang mereka mahu, saya tidak akan cuba mempengaruhi mereka. Penekanan kepada agama memang begitu penting dalam keluarga kami, jadi saya mahu mereka takut kepada Tuhan, saya fikir itu adalah penting.

Bagaimana generasi Malaysia akan datang?

Kita melakukan segala-galanya hari ini untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa bersatu padu, tidak ada prejudis antara kaum dan mereka boleh bekerjasama, boleh dikenali sebagai rakyat Malaysia yang berkerja keras untuk masa depan negara ini. Mereka mestilah terpelajar. Saya tidak mahu menetapkannya tetapi saya berharap mereka akan menjadi rakyat Malaysia yang berhemah. Mungkin agak keterlaluan untuk mempercayai mereka akan berhemah tetapi saya fikir ia adalah sangat penting. Kadang kala kanak-kanak lupa mengenai tanggungjawab terhadap ibu bapa. Saya fikir itu penting. Saya percaya jika saya melayan emak saya dengan baik, maka anak saya pula akan melayan saya dan emak mereka dengan baik. Jadi, kita perlu melakukan apa yang kita fikirkan baik dan pada masa yang sama anak melihat perkara baik yang anda lakukan.

(END)